



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000
No. Faks : 03-8888 6020
Laman Web : www.mafi.gov.my

SIARAN MEDIA

MAFI TINJAU OPERASI SEKTOR PERTANIAN DI TANAH RATA CAMERON HIGHLANDS

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) hari ini turun padang bagi meninjau sendiri kelangsungan operasi sektor pertanian di Tanah Rata Cameron Highlands yang terjejas berikutan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD).

Tinjauan diketuai oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah dengan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Haji Mohd Nasir Warris, Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin bin Yang Razalli, dan Pengarah jabatan dan agensi MAFI di Negeri Pahang. Tinjauan bertujuan untuk melihat sendiri operasi di lapangan dan juga pergerakan lori-lori yang membawa bekalan sayur-sayuran melalui sekatan jalanraya bagi semua sektor pertanian yang dilaporkan telah terjejas apabila beberapa kawasan dan lokasi pertanian diletakkan dibawah sekatan pergerakan yang diperketatkan.

Pada Rabu lepas Menteri Pertanian dan Industri Makanan telah mengeluarkan kenyataan berkaitan kebenaran kepada semua sektor pertanian untuk beroperasi semula walaupun berada dalam kawasan yang terlibat PKPD. Menerusi kenyataan tersebut Menteri MAFI menjelaskan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju membenarkan sektor pertanian serta rantaianya untuk terus beroperasi sepanjang masa termasuk di mana-mana kawasan yang dilaksanakan PKPD selaras dengan keputusan Kerajaan meletakkan sektor pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya sebagai satu perkhidmatan perlu (*essential services*) yang dibolehkan beroperasi sepanjang masa tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) tertentu yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Menerusi tinjauan tersebut, Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pahang memaklumkan bahawa semua aktiviti pertanian serta rantaianya telah kembali beroperasi seperti biasa dengan pematuhan SOP yang ketat. Didapati juga aktiviti pengangkutan lori buah-buahan dan sayur-sayuran yang melalui sekatan jalan raya (SJR) juga berjalan seperti biasa.

Menurut Datuk Seri Ahmad Hamzah, PKPD Kampung Raja meliputi dari Kampung Sungai Ikan sehingga ke Kampung Blue Valley merupakan kawasan pertanian yang melibatkan keluasan sekitar 1,500 ekar.

Menurut Ahmad lagi, 75 peratus hasil pengeluaran pertanian dari kawasan tersebut adalah untuk pasaran tempatan manakala selebihnya iaitu 25 peratus adalah untuk dieksport ke Singapura. Bermula 1 hingga 17 Jun 2021, DOA telah mengeluarkan sebanyak 1172 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian kepada petani dan usahawan tani khususnya di daerah Cameron Highlands.

Dalam pada itu agensi MAFI seperti FAMA sentiasa bekerjasama dengan persatuan-persatuan penanam sayur setempat bagi memastikan kelangsungan bekalan sayur negara. Dianggarkan seramai 500 orang pengusaha sayur dan 80 orang petani bunga menjalankan aktiviti pertanian di kawasan ini, yang turut menghasilkan 560 tan metrik sayur-sayuran segar setiap hari. Jumlah hasil ini meliputi 180 tan metrik daripada Kampung Raja dan Kampung Blue Valley dan sebanyak 380 tan metrik daripada kawasan Lojing. Bekalan 75 peratus sayur-sayuran dari Cameron Highlands ini diedar dan diagihkan setiap hari iaitu sebanyak 50 peratus ke Kuala Lumpur, 16 peratus dipasarkan ke Ipoh dan baki 9 peratus ke pasaran tempatan yang lain.

FAMA juga turut membantu dari segi pengaturan pemasaran dengan mengedarkan hasil pertanian ke beberapa lokasi seperti di Lembah Klang, Kuala Terengganu, Tangkak, Alor Setar dan Jerantut. FAMA juga menyediakan kemudahan pusat penggredan dan penyimpanan bilik sejuk bagi menampung hasil pertanian. Sehingga kini FAMA telah mengeluarkan 257 surat kebenaran kepada petani dan pengusaha di Cameron Highlands bagi memudahkan mereka meneruskan aktiviti pemasaran hasil pertanian.

Selain meninjau operasi sektor pertanian di lapangan, Timbalan Menteri Pertanian I turut menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan di SJR Lojing di sempadan negeri.

MAFI Prihatin merupakan hasil sumbangan dan tanggungjawab sosial pelbagai Jabatan dan Agensi dibawah MAFI seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Selain itu produk makanan turut disampaikan oleh Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pahang bertujuan untuk membantu meringankan beban para petugas barisan hadapan yang turut terkesan dengan penularan pandemic Covid-19.

**DISEDIAKAN OLEH:
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
20 JUN 2021**